

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang2,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



• Telefon : 09-5165253  
09-5126601  
• Fax : 09-5256106

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG  
STATE SECRETARY OF PAHANG**

Ruj.Kami: SUK.PHG/KT.003/2.06 ( 01 )

Tarikh: 30 Ogos 2012

**SEPERTI EDARAN**

YB.Dato'/YH. Dato'/Tuan

**SURAT PEKELILING YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG BILANGAN 9  
TAHUN 2012 – GARIS PANDUAN KUTIPAN CARUMAN SALIRAN BAGI  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas

2. Sukacita bersama-sama ini dikemukakan sesalinan Surat Pekeliling YB. Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 9 Tahun 2012 mengenai "Garis Panduan Kutipan Caruman Saliran Bagi Negeri Pahang Darul Makmur" untuk tindakan dan rujukan YB Dato'/YH. Dato'/ Tuan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini, YB. Dato'/YH. Dato'/ Tuan bolehlah menghubungi Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.

*"Komited, Proaktif, Responsif"*

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL,  
SSAP, SIMP, DSAP, DIMP, AAP, AMP)

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25003 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25003 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**STATE SECRETARY OF PAHANG**

• Telefon : 09-5162253

09-5126601

• Fax : 09-5156106

SUK.PHG/KT.003/2.06(20)

**SURAT PEKELILING YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**  
**BILANGAN 9 TAHUN 2012**

**GARIS PANDUAN KUTIPAN CARUMAN SALIRAN**  
**BAGI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri Pahang mengenai garis panduan kutipan caruman saliran kepada semua agensi kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan pihak swasta dalam usaha menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Garis Panduan Kutipan Caruman Saliran ini disediakan sebagai kaedah dalam pengurusan kutipan wang caruman saliran bagi permohonan pembangunan tanah.

**LATAR BELAKANG**

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Yang Ke 24/2012 pada 1 Ogos 2012 telah bersetuju supaya Garis Panduan Kutipan Caruman Saliran diterima pakai di Negeri Pahang. Negeri Pahang Darul Makmur sedang pesat membangun dengan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian, persembungan, pelancongan, perumahan, perdagangan (commercial) dan

sebagainya. Secara langsung, aktiviti-aktiviti ini telah menyumbang ke arah peningkatan kadar alir terhadap saluran-saliran utama di luar kawasan berkenaan.

3. Perubahan ekosistem atau persekitaran kawasan pembangunan boleh menyebabkan masalah saluran atau kejadian banjir di luar kawasan berkenaan yang disebabkan oleh:

- (i) Hakisan tanah yang menyebabkan pemendapan di saluran utama akibat pelupusan tumbuh-tumbuhan sebagai pencegah perlindungan semulajadi; dan
- (ii) Peningkatan kadar alir dan kelajuan air larian akibat pengurangan penyerapan air ke bawah tanah.

4. Pada masa ini, pihak pengusaha/pemaju hanya menyediakan sistem perparitan yang sempurna di dalam kawasan projek yang berkenaan dan menentukan bahawa saluran air dari kawasan projek dapat mengalir ke saluran yang hampir sekali. Mereka tidak bertanggungjawab untuk membaiki atau mendalamkan sungai atau parit utama dan kerap kali terjadi di mana ketidakcukupan kemampuan parit utama yang sedia ada.

5. Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 19 Jun 1998 memberi tanggungjawab sepenuhnya kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengurus dan menyenggara semua sungai termasuk dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), manakala PBT bertanggungjawab untuk mengurus dan menyenggara sistem perparitan di kawasan PBT sahaja.

### KAEDAH KUTIPAN CARUMAN SALIRAN

6. Bayaran caruman saliran dikenakan kepada pemaju/pengusaha sebagai salah satu syarat permohonan kelulusan tukar syarat kegunaan tanah daripada tanah pertanian/perlombongan kepada syarat bangunan (perumahan, perindustrian, perdagangan) sama ada di dalam atau di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Terdapat 2 jenis permohonan yang dikenakan caruman saliran iaitu :-

- (i) Permohonan Serentak Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan iaitu permohonan tanah di bawah Seksyen 124(A), KTN yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Daerah (PTD); dan
- (ii) Permohonan Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula iaitu permohonan tanah di bawah seksyen 204D, KTN yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan

### KADAR CARUMAN

7 Kadar bayaran caruman saliran yang dikenakan adalah seperti berikut iaitu:-

- (i) Dalam kawasan Majlis Perbandaran kadar caruman saliran adalah RM 3,000 seekar; dan
- (ii) Dalam kawasan Majlis Daerah kadar caruman saliran adalah RM 2,000 seekar

## PEMBAYARAN CARUMAN SALIRAN

8 Pemilik tanah boleh membuat bayaran caruman saliran setelah mendapat makluman kelulusan permohonan iaitu:

- [i] Semasa PTD mengeluarkan kelulusan tukar syarat bagi permohonan di bawah Seksyen 124A, KTN (Tukar Syarat dan Pecah Sempadan) iaitu syarat bayaran dimasukkan di dalam surat dan Notis 7G [Carta Alir Proses Permohonan Tukar Syarat (124, KTN) dan Tukar Syarat dan Pecah Sempadan Tanah (124A, KTN) Di PTD seperti di Lampiran A]. Cek perlu dibayar atas nama Pejabat Tanah dan Daerah dan resit dikeluarkan sebagai bukti pembayaran; atau
- [ii] semasa pemberian kelulusan permohonan kebenaran merancang oleh PBT bagi permohonan di bawah Seksyen 204D, KTN (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula). Syarat bayaran dimasukkan di dalam surat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dan bayaran dibuat semasa penyerahan pelan pra perhitungan kepada PBT [Carta Alir Proses Permohonan Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula (204D) Oleh PBT dan Carta Alir Proses Bayaran di Lampiran B dan Lampiran C]. Cek perlu dibayar atas nama Yang Dipertua dan resit dikeluarkan sebagai bukti pembayaran.

### PENGECCUALIAN CARUMAN SALIRAN

9. Kelulusan permohonan serentak tukar syarat dan pecah sempadan (Seksyen 124A, KTN) dan permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula (Seksyen 204D, KTN) bagi projek-projek pembangunan berikut adalah dikecualikan daripada bayaran caruman saliran iaitu :-

- (i) Rumah pelan setara individu;
- (ii) Bangunan jenis separuh kekal sementara;
- (iii) Rumah kediaman (teres, link, berkembar, banglo) bagi keluasan kurang dari 1 ekar;
- (iv) Badan-badan kebajikan, institusi keagamaan dan ibadat dan sekolah-sekolah; dan
- (v) Semua projek kerajaan yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya.

### RAYUAN BAYARAN

10. Semua rayuan kepada jumlah bayaran caruman saliran yang ditetapkan perlulah dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan atau Pentadbir Tanah dan Daerah.


**BAYARAN CARUMAN SALIRAN BAGI PEMAJUAN YANG MELIBATKAN RENTIS TNB DAN PEMBINAAN PARIT UTAMA**

11. Sekiranya pemajuan melibatkan laluan rentis TNB, caruman dikenakan ke atas jumlah keluasan selepas ditolak keluasan rentis TNB. Sekiranya pembangunan bercampur yang melibatkan pembinaan parit besar oleh kerana terdapat sungai di dalam tapak tersebut, kos pembinaan parit tersebut akan ditolak daripada jumlah caruman saliran yang perlu dibayar.

**TARIKH KUAT KUASA**

12. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa 1 September 2012.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

  
(DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL,  
SSAP, SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP)

Bertarikh 30 Ogos 2012

Lampiran A

CARTA ALIR  
PROSES PERMOHONAN TUKAR SYARAT (124,KTN) DAN  
TUKAR SYARAT DAN PECAH SEMPADAN TANAH (124A,KTN)  
DI PTD





Lampiran C

CARTA ALIR  
PROSES KELULUSAN PELAN PRA- PERHITUNGAN  
OLEH PBT

